

Tugu 1Malaysia cermin fungsi PPIB

UR 14/4/2011 B.3

Oleh HENRY BATIN

hbating@gmail.com

KOTA KINABALU: Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB), Universiti Malaysia Sabah (UMS) yang melaksanakan program pengajian berteraskan semangat patriotik, pemahaman, penghayatan sejarah dan warisan budaya bangsa Malaysia, kelmarin merasmikan Tugu 1Malaysia bagi mencerminkan fungsi utama pusat berkenaan.

Tugu berukuran 5' x 2' yang disempurnakan perasmianya oleh Naib Canselor UMS,



(gambar kiri) RASMI TUGU ... Dr Kamaruzaman merasmikan Tugu 1Malaysia PPIB sambil diperhatikan Dr Ismail Ali.

(gambar kanan) SIMBOL PERPADUAN ... Tugu 1Malaysia di hadapan PPIB.

(gambar bawah) TUGU 1MALAYSIA ... Dr Kamaruzaman menurunkan tandatangan perasmian sambil diperhatikan Abdullah Hj Mohd Said.



“Kita memerlukan simbol yang boleh dilihat untuk mengingatkan diri kita tentang fakta kemajmukan masyarakat Malaysia yang perlu hidup berkongsi aspirasi dan berpadu tenaga untuk membangunkan negara”

BRIG-JEN PROF. DATUK SERI DR KAMARUZAMAN HJ AMPON
Naib Canselor UMS

Brig-Jen Prof. Datuk Seri Dr Kamaruzaman Hj Ampon itu turut melambangkan ciri khusus PPIB sebagai peneraju konsep 1Malaysia di mana terdapat 10 kursus bahasa asing dan tempatan ditawarkan kepada kalangan pelajar.

“Kita memerlukan simbol yang boleh dilihat untuk mengingatkan diri kita tentang fakta kemajmukan masyarakat Malaysia yang perlu hidup berkongsi aspirasi dan berpadu tenaga untuk membangunkan negara,” kata Dr Kamaruzaman, sambil menjelaskan beliau selalu mengenakan lencana simbol 1Malaysia untuk

mengingatkan dirinya tentang fakta kemasyarakatan di negara ini.

Turut hadir Pendaftar UMS, Mejar Abdullah Hj Mohd Said; Dekan PPIB, Prof Madya Dr Ismail Ali; Pengarah Bahagian Keselamatan UMS, Kapten Haznain Ngamil; Penolong Pendaftar Kanan PPIB, Mohd Wazir Shafie Aliasah, para pensyarah dan kakitangan PPIB.

Sebagai pusat yang melaksanakan program berteraskan prinsip ‘menginsankan manusia’, PPIB juga meletakkan objektif melahirkan siswazah yang boleh bertutur dalam bahasa Inggeris dan bahasa-bahasa

asing atau tempatan.

PPIB menawarkan tiga gugusan kursus yang melibatkan Gugusan Wajib, Gugusan Bahasa-bahasa dan Gugusan Kemahiran Insaniah. Terdapat sebelas kursus bahasa ditawarkan iaitu bahasa Inggeris, bahasa Arab, bahasa Kadazandusun,

bahasa Jepun, bahasa Melayu, bahasa Mandarin, bahasa Perancis, bahasa Rusia, bahasa Sepanyol, bahasa Korea dan bahasa Tamil.

Sementara itu, Dekan PPIB, Prof Madya Dr Ismail Ali, menyatakan bahawa PPIB telah memperlihatkan komitmen mengetengahkan konsep

1Malaysia melalui pengajian Seminar Kebangsaan 1Malaysia 1-2 November 2010 yang telah melibatkan pembentangan 101 kertas kerja.

Menurut Dr Ismail, dalam Seminar Kebangsaan 1Malaysia yang telah diadakan, PPIB berusaha melihat konsep 1Malaysia dari

sudut pandangan akademik, mengatasi pelbagai masalah dan kekeliruan berkaitan konsep 1Malaysia, mengenal pasti isu-isu dan cabaran dalam pelaksanaan konsep 1Malaysia serta memperkaya kandungan intelektual mengenai konsep 1Malaysia.

PPIB, UMS ditubuhkan pada tahun 1994 dengan tujuan menawarkan kursus-kursus teras Universiti kepada semua

pelajar dari pelbagai sekolah di UMS. Terdapat 11 sekolah di Kampus Utama Kota Kinabalu yang melibatkan enam (6) sekolah berdasarkan sains dan lima (5) sekolah berdasarkan sastera. PPIB juga ditubuhkan untuk merealisasikan misi dan visi UMS, iaitu melahirkan pelajar yang berketerampilan dan seimbang ilmunya ke arah pembentukan sebuah negara yang mapan.